

16/07/2002

Jasa Che Det banyak di Kubang Pasu

"SUKAR untuk saya menyatakan apakah perkataan atau ayat yang paling sesuai bagi menggambarkan siapa sebenarnya Dr Mahathir," kata bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff.

Osman yang mengenali Perdana Menteri sejak 1960-an dan bersama-samanya berkhidmat di Parlimen Kubang Pasu, berfikir sejenak bagi mencari perkataan atau ayat paling sesuai mengenai Dr Mahathir.

Selepas beberapa ketika baru beliau menjawab: "Dia terlalu istimewa. Dia juga insan yang berjiwa Melayu tulen. Jiwanya sentiasa untuk bangsa Melayu. Bukan saja ketika ucapannya, malah dalam perhubungan peribadinya, saya dapat membaca jiwa Melayu Dr Mahathir."

Menceritakan lebih lanjut sepanjang tempoh beliau mengenali Dr Mahathir selama lebih 30 tahun, Osman, 62, yang kini wakil Perdana Menteri di Kubang Pasu berkata, Dr Mahathir sebenarnya mempunyai jiwa yang lembut dan cepat mengasihani orang lain.

"Saya rasa itu memang sifat semula jadinya. Dia seorang yang sangat mengambil berat mengenai sesuatu, apatah lagi Melayu dan negara," katanya yang mengetuai delegasi Umno Kubang Pasu pada 1974 bagi mempelawa Dr Mahathir bertanding di Kubang Pasu selepas tewas di Parlimen Kota Star Selatan (sekarang Pendang) pada 1969.

Menurut Osman, ketika Dr Mahathir mula bertanding di Kubang Pasu, ramai yang tidak mengenalinya kerana Perdana Menteri lebih dikenali di Pendang dan sekitar Alor Star, terutama sebagai doktor di Maha Klinik.

Bagaimanapun, keadaan itu tidak lama kerana keprihatinan serta sikap Dr Mahathir yang mudah mesra menyebabkan ramai mendekatinya.

"Kami di Kubang Pasu amat menyayanginya. Banyak jasa Dr Mahathir di Kubang Pasu sehingga pembangunan di sini amat pesat sekali," katanya.

Bagi Osman, jika tanpa Dr Mahathir, Kubang Pasu dan Kedah secara umum mungkin tidak maju dan membangun begitu pantas seperti yang dinikmati sekarang.